

**KEMELUT SURVIVAL MELAYU DALAM ERA GLOBALISASI****Hanum Bt Hassan, Razli B. Hj. Ahmad & Lt. Kol. (B) Azuddin B. Bahari**Email : [hanum@unimap.edu.my](mailto:hanum@unimap.edu.my) / [razli@unimap.edu.my](mailto:razli@unimap.edu.my) / [azuddin@unimap.edu.my](mailto:azuddin@unimap.edu.my)

Tel:+6049851326

**Abstrak**

Keadaan orang Melayu pada hari ini semakin terugat di tanah airnya sendiri. Walaupun diiktiraf sebagai peribumi namun, kedudukan mereka jauh terkebelakang berbanding kaum-kaum lain. Pelbagai data atau statistik dipaparkan mengenai kedudukan orang Melayu berbanding kaum lain. Namun, orang Melayu masih lagi di takuk yang lama. Persoalannya, mengapa keadaan ini masih lagi berlegar dalam kalangan orang Melayu. Sudah pasti keadaan ini menunjukkan yang orang Melayu berhadapan dengan kemelut yang sukar untuk ditangani dan menjadi parah jika keadaan ini tidak diatasi segera kerana bimbang orang Melayu tidak boleh bersaing dalam era globalisasi. Kemelut untuk meneruskan survival Melayu pada dasarnya tidaklah sukar untuk diatasi jika setiap orang Melayu sedar akan potensi, kelebihan dan kekuatan yang ada pada dirinya. Menjadi masalah jika Melayu itu tidak tahu tentang dirinya sendiri. Dengan 66% sebagai penduduk negara, tidak mustahil untuk Melayu bangun menguasai ekonomi negara kerana sejarah telah pun membuktikannya.

**Kata kunci** : *survival, Melayu, ekonomi, pendidikan, globalisasi.***Pengenalan**

Malaysia kini sedang memasuki fasa terakhir ke arah mencapai Wawasan 2020. Selaras dengan itu, salah satu agenda penting kerajaan adalah untuk membangunkan sistem pendidikan bertaraf dunia. Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam usaha membangunkan modal insan. Keupayaan melahirkan modal insan seperti berupaya untuk berfikir kreatif dan kritis, berkemahiran menyelesaikan masalah dan berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sering berubah-ubah amatlah penting demi menjamin kesinambungan survival orang Melayu dan bagi mengisi keperluan negara maju menjelang tahun 2020.

**Kemelut Survival Melayu**

Walaupun angka 2020 semakin hampir, namun sikap orang Melayu menunjukkan mereka masih belum bersedia menghampiri angka tersebut. Persoalannya mengapa? Isu-isu seperti pengangguran siswazah Melayu iaitu jumlah graduan Melayu membentuk 70% daripada jumlah siswazah menganggur, kualiti modal insan yang mendukacitakan, kegagalan menguasai bahasa Inggeris serta tidak

menepati kehendak pasaran kerja seolah-olah tidak mempunyai jalan penyelesaian.

Kegagalan orang Melayu menonjolkan diri dalam pendidikan adalah satu kerugian yang besar kepada pembangunan bangsa, apabila terpaksa melepaskan beberapa 'kuasa' kepada bangsa lain kerana ketidakbijakan orang Melayu itu sendiri (Wan Azrain, 2001).

Adakah keadaan ini berlaku kerana sikap orang Melayu itu sendiri, mudah berpuas hati dengan apa yang ada atau mereka sentiasa berpegang kepada konsep beras secupak tidak akan menjadi segantang. Frank Swettenham (1984), pernah menilai orang Melayu sebagai:

Benar-benar berani...hidupnya banyak membazir, suka meminjam duit tetapi lambat membayarnya semula...Dia selalu menyebut perumpamaan...tidak pernah minum benda yang memabukkan, dan jarang-jarang menghisap candu...Dia ahli sukan semulajadi...bangga dengan negeri dan bangsanya, menghormati adat resam dulukala serta mengagumi kekuasaan yang ditubuhkan...dia juga seorang pelajar dalam cara meniru tetapi malas benar, menganggap waktu itu tidak penting.

Adakah benar apa yang diutarakan oleh Frank Swettenham (1984) mengenai sikap orang Melayu itu: malas benar menganggap

waktu itu tidak penting. Jika ini berlaku bagaimanakah orang Melayu hendak meneruskan hidup dalam era globalisasi yang sentiasa mementingkan persaingan jika sikap ini masih melingkungi kehidupan mereka.

Menurut Raja Dr. Nazrin (2009), dalam mengharungi gelombang globalisasi dan dalam menghadapi dinamik politik yang sedang berlaku di negara ini, bangsa Melayu berada di persimpangan jalan – bangsa Melayu menghadapi dua kemungkinan. Kemungkinan pertama, bangsa Melayu itu akan terus *survive*, berkembang dan kuat, serta dihormati dan diiktiraf sebagai rumpun bangsa yang agung di dunia global, atau kemungkinan kedua, barang dijauhkan Allah daripada berlaku, bahawa bangsa Melayu itu akan hanyut dalam gelombang globalisasi, menjadi lemah kerana akar budaya dan tradisinya telah dicabut. Pemikiran, gaya hidup dan nilai-nilai budaya bangsa makin disisihkan. Akhirnya Melayu itu akan pupus dan tinggal sebagai nama dan cerita yang terkandung dalam hikayat-hikayat lama. Kata-kata hikmat pesanan Hang Tuah, “Tak kan Melayu Hilang Di Dunia” pasti akan berubah seperti kebimbangan Ishak Haji Mohamad bahawa “Melayu itu boleh hilang di dunia”.

Za’aba pernah menyatakan, salah satu punca terbesar yang menjadikan Melayu terhina di bumi kelahiran mereka adalah kerana masalah kemiskinan (Abdullah, 2009): Orang-orang kita Melayu ini pada hitungan am atau jumlahnya ialah kaum yang tersangat miskin. Kemiskinan itulah sifat yang terlebih sangat lengkap dan nyata daripada lain-lain sifat kebangsaannya dan ialah juga sebenar-benar kekurangan yang menjadikan mereka kalah atau ketinggalan di belakang dalam perlumbaan kemajuan. Miskin pada wang ringgit dan harta benda, miskin pada hemah dan cita-cita, miskin pada pelajaran dan latihan pengetahuan, miskin pada alat-alat kelengkapan otak dan pada beberapa sifat-sifat kepelbagaian yang tinggi dan mulia, maka jadilah mereka tidak dapat tiada tersangkut dan ketinggalan dalam perjalanan bangsa-bangsa. Kemiskinan yang dimaksudkan oleh Za’aba itu bukan terhad kepada aspek materialnya, malah kemiskinan meliputi serba-serbi nya dan mengelilingi mereka pada segala pihaknya. Ini menjadikan mereka tewas dalam perjuangan kehidupan dan “ketinggalan dalam perjalanan bangsa-bangsa” (Abdullah, 2009). Menurut Za’aba inilah nasib yang menimpa bangsanya:

*Sesungguhnya negeri Tanah Melayu ini negeri yang sentiasa bertambah-tambah ramai dan bertambah-tambah kaya daripada kemakmuran khazanah buminya, akan tetapi siapakah yang sentiasa beroleh keuntungan daripada kemakmuran itu? Di manakah bapa-bapa Melayu dan di manakah anak-anak Melayu? Pada sebutan yang zahir sebenarnya negeri ini negeri Melayu luarnya dan dalamnya kerana telah berkediaman bangsa Melayu itu padanya hampir-hampir 700 tahun. Akan tetapi pada masa sekarang ini sebutan ‘Negeri Melayu’ itu menepati hakikat maknanya akan daerah-daerah kampung dan ceruk-ceruk negeri yang jauh dari pekan jua. Orang Melayu telah lari ke dalam hutan dan ke tengah-tengah negeri mendiami tiap-tiap lepan dan bukit bukau. Orang-orang dari luar telah datang menunggu dan meramaikan tepi-tepi lautnya dan bandar-bandar perniagaan! Maka di tengah-tengah negeri yang jauh dari suara loceng itulah kamu akan berjumpa dengan kebanyakan Melayu. Ada pun lain daripada itu kamu akan dapati sama ada pada zahirnya atau pada hakikatnya negeri ini ialah negeri orang dari luar pada pekerjaannya, pada perusahaannya, pada perniagaannya dan pada pemerintahannya .*

Za’aba memahami peranan pendidikan sebagai agen perubahan sosial yang sangat penting. Beliau menegaskan ilmu dan pengetahuan adalah “punca sekalian jalan” di mana melaluinya “diterbitkan persenjataan dan kelengkapan” bertujuan mewujudkan “jalan-jalan yang lain”. Ini mendorong Za’aba menjelaskan erti ilmu dan pengetahuan, kepentingannya serta mengemukakan pemikiran beliau dalam usaha mencari penyelesaian kepada masalah kemunduran pendidikan Melayu dan Muslim. Za’aba menegaskan, menuntut ilmu itu fardu ain bagi setiap Muslim. Mereka wajib berbuat demikian mengikut kemampuan masing-masing bermula “dari ayunan hingga ke liang lahad” (Abdullah, 2009). Begitu juga dengan peringatan Munsyi Abdullah bahawa survival bangsa sebenarnya bergantung pada pelajaran.

### **Ekonomi dan Pendidikan**

Perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru 1971 telah dilihat sebagai titik awal pemikiran dan tindakan ke arah memperkasa ekonomi dan pendidikan Bumiputra khususnya orang Melayu. Agenda serampang dua mata itu diperkenalkan adalah untuk membasmi

kemiskinan dan menyusun semula masyarakat yang telah diletakkan harapan yang sangat tinggi untuk mewujudkan keseimbangan dalam masyarakat. Namun secara khususnya, pelaksanaan itu perlu dilihat oleh orang Melayu sebagai satu pendekatan pragmatik untuk mengubah banyak statistik yang berkaitan dengan mereka khususnya dalam konteks pemilikan harta serta pencapaian dalam bidang pendidikan. Rata-rata statistik yang ditunjukkan, mendapati orang Melayu memang terkebelakang dalam semua aspek yang dinyatakan (Lihat Jadual 1).

**Jadual 1: Pemilikan Ekuiti (%)**


Kumpulan Etnik	1970	1990	2006
<b>Bumiputra</b>	2.4	19.3	19.4
Individu	1.6	14.2	15.1
Institusi			2.6
Agensi amanah	0.8	5.1	1.7
<b>Bukan Bumi</b>	34.3	46.8	43.9
Cina		45.5	42.4
India		1.0	1.1
Lain-lain		0.3	0.4
<b>Nomini</b>	63.3	25.4	30.1

(Sumber: Bahan Ceramah Modul Kursus Kenegaraan, 2008)


Walaupun data di atas menunjukkan statistik dari tahun 1970, namun yang perlu difahami ialah, ianya merupakan angka yang dapat menggambarkan apakah penguasaan atau pemilikan yang dipunyai oleh orang Melayu sebelum tahun 1970. Implikasi daripada kedudukan ini tentulah orang Melayu dilihat sebagai warganegara bukan kelas pertama, barangkali juga kelas ketiga! Dengan kedudukan ini sudah tentu menyukarkan orang Melayu untuk berfikir hal-hal yang di luar daripada soal makan dan minum mereka seharian. Lebih teruk lagi kedudukan ini menyebabkan orang Melayu hampir tidak berfikir tentang pendidikan terutamanya untuk anak-anak mereka, Situasi ini akan meletakkan orang Melayu untuk suatu tempoh masa yang lama berada dalam keadaan tertinggal. Hukum kumulatif berlaku, akhirnya juga kita mendapati sehingga kini orang Melayu masih berada di belakang kaum bukan Melayu terutamanya dalam aspek ekonomi dan pendidikan walaupun kita telah hampir 53 Tahun Merdeka (Lihat Jadual 2).

**Jadual 2: Realiti Sosioekonomi 1969, DEB, 2004**

1969



2004



(Sumber: Bahan Ceramah Modul Kursus Kenegaraan, 2008)

Lanjutan daripada ketinggalan dalam bidang pendidikan maka pekerjaan yang boleh dipegang oleh orang Melayu juga terhad terutamanya dalam bidang-bidang profesional. Rujuk data yang dipaparkan dalam Jadual 3. Jadual ini tidaklah bermaksud menunjukkan bahawa yang boleh berjaya dalam ekonomi perlu mendapat kelulusan yang cemerlang. Ia hanya menjelaskan kaitan di antara keupayaan memperoleh kecemerlangan dalam bidang pendidikan mempunyai kaitan yang rapat dengan bidang kerjaya yang diceburi terutamanya dalam bidang profesional yang menjanjikan pendapatan yang lumayan.

**Jadual 3: Kedudukan Profesional**

Profesio	1970			1990			2008		
	B	C	I	B	C	I	B	C	I
Akauntan profesional	6.8	65.4	7.9	11.2	81.2	6.2	24.5	69.8	4.9
Arkitek profesional	4.3	80.9	1.4	23.6	74.4	1.2	60.4	38.2	1.3
Doktor	3.7	44.8	40.2	27.8	34.7	34.4	52.9	28.0	19.2
Doktor gigi	3.1	89.1	5.1	24.3	50.7	23.7	49.4	32.7	15.8
Jurutera profesional	7.3	71.0	13.5	34.8	58.2	5.3	52.4	40.3	5.0
Peguam	-	-	-	22.4	50.0	26.5	39.3	36.6	23.1
Juruukur profesional	-	-	-	44.7	49.6	3.7	55.1	39.9	3.7

(Sumber: Bahan Ceramah Modul Kursus Kenegaraan, 2008)

Namun begitu, penulisan kertas kerja ini tidaklah berhasrat untuk terus berwacana tentang kedudukan orang Melayu dalam konteks yang diperkatakan. Orang Melayu perlu menyedari bahawa mereka sekarang berada dalam satu zaman mencabar yang meletakkan pendidikan sebagai satu senjata utama untuk terus berdaya saing. Walaupun hal ini telah lama disedari dan difahami namun hakikatnya statistik menunjukkan orang Melayu masih di belakang ini terus boleh kita lihat di mana-mana terutamanya melalui seminar-seminar. Justeru kesedaran untuk bingkang bangun dan celik dengan apa yang berlaku adalah sesuatu yang sangat dituntut terhadap semua orang Melayu. Selari dengan era globalisasi, kebangkitan sesebuah tamadun bangsa di tandai dengan kecemerlangan pendidikan. Maka orang Melayu tidak mempunyai pilihan selain

daripada akur bahawa mereka perlu lebih bersedia dan berdaya saing melalui penguasaan ilmu pengetahuan.

**Mendepani Cabaran Globalisasi**

Terdapat pelbagai tafsiran yang diberikan oleh sarjana mengenai konsep globalisasi dan K-ekonomi. Yang pasti ianya mempunyai perspektif yang berbeza-beza. Menurut Ishak Shaari (2000), globalisasi ialah satu fenomena multidimensi yang meliputi ekonomi, politik, ideologi dan budaya (Lihat Jadual 4).

**Jadual 4: Pelbagai Dimensi Konsep Globalisasi**

Bil.	Kategori	Proses Utama
1.	Globalisasi kewangan dan globalisasi	Deregulasi pasaran kewangan, mobiliti modal pada peringkat antarabangsa; peningkatan gabungan dan pengambilalihan firma; pemilikan saham secara global yang masih pada peringkat awal.
2.	Globalisasi pasaran dan strategi, terutama dalam menangani persaingan	Pengintegrasian aktiviti perniagaan pada peringkat dunia; penubuhan kegiatan berintegrasi di luar negara (termasuk dalam kegiatan penyelidikan dan pembiayaan); pengenalpastian sumber input pada peringkat global; pembentukan kerjasama strategik.
3.	Globalisasi teknologi	Teknologi menjadi pendorong utama proses globalisasi; perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi menggalakkan rangkaian global dalam sesebuah firma; dan antara firma yang berlainan; globalisasi sebagai proses memperluaskan sistem pengeluaran bersifat luwes.
4.	Globalisasi cara kehidupan dan pola penggunaan; globalisasi budaya	Perpindahan dan pengukuhan cara hidup dominan; penyeragaman pola penggunaan; peranan media; transformasi budaya; peraturan GATT dikenakan kepada

		pengaliran budaya. dengan kehidupan masa kini. Namun bukan
5.	Globalisasi keupayaan mengawal dan governan	Peranan pemerintah sedikit yang masih gagal untuk dikurangkan; percubaan mentafsirkannya secara tepat. Secara umumnya untuk menggubal ia jelas mengaitkan pekerja yang peraturan dan institusi berpengetahuan (knowledges workers) dengan baru bagi tujuan keupayaan mereka mengaplikasikan governan pada peringkat pengetahuan tersebut. Menurut Hasnah Ali global. (2000), k-ekonomi adalah satu pendekatan
6.	Globalisasi sebagai penyatuan politik dunia	Analisis berteraskan yang menggunakan pengetahuan dan negara mengenai integrasi maklumat untuk meningkatkan aktiviti masyarakat dunia ke ekonomi seperti pengeluaran barangan, dalam satu sistem penyelidikan dan pemasaran. Menurut Pertubuhan Kerjasama Ekonomi Dan Pembangunan (OECD), 1996) pula, k-ekonomi adalah pengeluaran, penggunaan dan agihan satu kuasa utama.
7.	Globalisasi persepsi dan kesedaran	Proses sosiobudaya yang pengetahuan dalam semua aktiviti yang berteraskan 'Satu Dunia' membolehkan organisasi saiz kecil dan pergerakan 'globalist', sederhana, usahawan dan kerajaan menggunakan sumber semula jadi yang terhad secara efisien. Kebanyakan individu mengaitkan k-ekonomi dengan aktiviti ekonomi yang dipacu oleh teknologi tinggi seperti telekomunikasi serta perkhidmatan kewangan. Menurut OECD (1996) lagi, teknologi maklumat dan telekomunikasi menjadi fasilitator kepada pengujudan masyarakat berilmu dan bermotivasi.

Berasaskan Jadual 4 di atas, maka kita dapati terdapat tujuh dimensi globalisasi yang pastinya merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Ianya meliputi perkara-perkara yang mudah untuk difahami seperti kewangan sehinggalah kepada yang sukar untuk difahami seperti hal ehwal politik dunia serta persepsi dan kesedaran. Mendepani semua cabaran ini orang Melayu perlu memahami dan bersedia untuk menghadapinya. Jika sikap serta pemikiran orang Melayu masih lagi mewarisi pemikiran di era zaman penjajahan dahulu maka akan sukar bagi orang Melayu untuk terus berdaya saing bagi survival di masa akan datang.

Hakikat bahawa urusan perdagangan di peringkat antarabangsa telah dikuasai oleh gergasi –gergasi yang bertaraf *Multi National Company* penting untuk difahami oleh orang-orang Melayu. Misalnya pekedai-pekedai runcit Melayu perlu memahami bahawa pesaing mereka sekarang bukan lagi sesama mereka tetapi merupakan syarikat-syarikat gergasi seperti TESCO, Carrefour, Giant dan sebagainya yang semakin giat dengan perniagaan runcit. Ini bermakna orang-orang Melayu perlu memahami dan menguasai pengetahuan dalam bidang perniagaan yang mereka ceburi. Paling tidak mereka harus faham bahawa untuk terus “hidup”, mereka perlu meningkatkan pengetahuan dalam bidang yang mereka ceburi. Hal ini sekali lagi menunjukkan bahawa ilmu pengetahuan adalah amat penting untuk dimiliki oleh orang-orang Melayu demi survival mereka.

Terminologi k-ekonomi yang semakin diterima dan difahami oleh umum sebenarnya masih lagi agak kabur. Ada pihak yang dapat mengaitkannya dengan mengaplikasikannya

Perhadapan dengan tuntutan dan keperluan yang dinyatakan seperti di atas, maka adalah penting bagi generasi muda Melayu khususnya graduan-graduan Melayu berusaha menguasainya agar senang dilatih untuk menjadi pekerja yang berpengetahuan. Orang Melayu sangat memerlukan panduan yakni ilmu pengetahuan yang boleh membimbing mereka mengharungi arus globalisasi dengan tabah dan jaya bagi membolehkannya duduk sama rendah serta berdiri sama tinggi dengan bangsa lain. Pelajar, generasi muda Melayu, belia dan graduan Melayu perlu sedar bahawa mereka sebenarnya adalah harapan bangsa untuk terus relevan di bumi Malaysia ini.

### Kesimpulan

Kelangsungan survival Melayu bergantung kepada Melayu itu sendiri. Yang pasti Melayu itu harus berani, jujur, amanah, berkata benar, berhemah, bekerja keras dan semangat tinggi. Dia mesti bersungguh-sungguh bak kata pepatah genggam bara api biar jadi abu dan jangan jadi bangsa hangat-hangat tahi ayam (Ungku Aziz, 2008). Melayu perlu berubah, jika tidak, mereka rebah. Dan untuk mengubah sesuatu masyarakat maka nilai, budaya, dan etika masyarakat itu perlulah diubah supaya ia sesuai dengan keperluan semasa yang dilihat sebagai inti sari kepada

kebangkitan sesuatu masyarakat atau bangsa itu. Tun Mahathir (1996), menyatakan :

*Maju mundurnya sesuatu bangsa tidak bergantung kepada keturunan kaum atau warna kulit. Sebab itu ada bangsa Eropah yang amat mundur dan ada bangsa Asia yang termaju sekali. Maju mundurnya sesuatu bangsa bergantung kepada budaya bangsa itu. Dan budaya bukan sesuatu yang tetap dan tidak dapat diubah. Budaya berubah sepanjang masa dan boleh dicorak secara sengaja.*

8. *OECD (1996). The Knowledge Economy: Science, Technology and Industry Outlook. Paris: OECD*
9. *Perutusan Dr. Mahathir sempena Tahun Baru 1996 melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) pada hari Ahad 31 Disember 1995 jam 8.30 malam.*
10. *Bahan Ceramah (2008). Modul Kursus Kenegaraan. Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri.*

### **Rujukan**

1. *Abdullah Hassan, (2009). Pemikiran Pendidikan Melayu Za'ba. Dari laman web [http://ipm.upsi.edu.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=172:pemikiran-zaba&catid=20:kursi-zaba&Itemid=52](http://ipm.upsi.edu.my/index.php?option=com_content&view=article&id=172:pemikiran-zaba&catid=20:kursi-zaba&Itemid=52)*
2. *Swettenham, F. (1984). Malay Sketches. Graham Brash Pte. Ltd, Singapore.*
3. *Hasnah Ali, (2000). Kominikasi dan Teknologi Maklumat (ICT) Dan Pembangunan Ekonomi. Prosiding Seminar Tahunan Jabatan Ekonomi Pembangunan .hlm 189 -206*
4. *Ishak Shaari,(2000). Globalisasi Ekonomi: Proses Dan Realitinya. Dlm. Noraini Toman & Summit K.Mandal (pnyt). Malaysia Menangani Globalisasi Peserta Atau Mangsa. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.*
5. *Raja Dr Nazrin Shah Ibn Sultan Azlan Muhibbuddin Shah (2009). Teks titah Raja Muda Perak pada majlis pelancaran buku The Malays di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.*
6. *Ungku Aziz Ungku Abdul Hamid (2008). "Hidup Bukan Que Sera Sera" : Usaha Capai Keperibadian Unggul Bergantung Kepada Diri Sendiri. Dari laman web <http://www.prowaris.org/frame/index825a.html?m=h&id=69>*
7. *Wan Azrain Wan Adnan (2001). Merdeka, Melayu Dan Pendidikan. Dari laman web <http://www.pemuda.com.my/modules.php?name=News&file=print&sid=4617>*